

07 MAY 2002

Mahathir-Giliran

SAPP BOLEH KEMUKA CADANGAN SISTEM PENGGILIRAN KEPADA BN

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Parti Maju Sabah (SAPP) boleh mengemukakan cadangan kepada Barisan Nasional (BN) pusat berhubung sistem penggiliran ketua menteri Sabah yang ada sekarang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kelebihan kini diberikan kepada parti terbesar di negeri itu (Umno), tetapi terpulang kepada SAPP untuk membuat cadangan jika mahu jawatan ketua menteri itu dikekalkan kepada mana-mana pihak.

"Tak tahulah kalau dia orang bersetuju nak kaji, mereka boleh kaji, tapi kita (BN) dah ubahsuai yang itu (sistem penggiliran) memandangkan Umno begitu besar dan berperanan di Sabah.

"Walaupun kita ada giliran, namun ia tidak seperti dahulu. Yang ini parti orang Cina menjadi ketua menteri, lepas itu Umno, lepas itu Kadazan dan lepas itu Umno balik," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee Ahad lepas bahawa BN perlu membuat keputusan sebelum pilihan raya negeri akan datang sama ada sistem penggiliran untuk jawatan ketua menteri Sabah perlu diteruskan atau diubahsuai menggunakan formula baru.

Sistem penggiliran itu diperkenalkan apabila BN mengambil-alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri pada Mac 1994 bagi membolehkan pemimpin-pemimpin masyarakat Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam dilantik sebagai ketua menteri atas dasar penggiliran untuk dua tahun.

Sedikit perubahan dilakukan kepada sistem itu tahun lepas apabila Datuk Chong Kah Kiat dilantik memegang jawatan itu.

Di bawah format baru itu, jawatan berkenaan masih digilirkan setiap dua tahun tetapi pemimpin Umno akan memegang jawatan itu berselang dengan setiap satu daripada dua lagi masyarakat berkenaan.

Sebagai contoh, apabila penggal bagi masyarakat Cina berakhir pada Mac depan, jawatan itu akan berpindah kepada Umno, selepas itu kepada Bumiputera bukan Islam dan kembali kepada Umno.

Pengerusi Umno Sabah Datuk Musa Aman pada majlis yang sama turut berkata mereka harus membincangkan perkara itu kerana sebarang tindakan yang akan memberi manfaat kepada rakyat hendaklah dipertimbangkan.

Sebuah lagi parti komponen BN di negeri itu, Pertubuhan Bersatu Pasok Momogun Kadazandusun Murut melalui presidennya Tan Sri Bernard Dompok berkata adalah suatu idea yang baik untuk membincangkan sistem penggiliran itu.

-- BERNAMA

SHS AZZ RON